

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT
Dapatkan Sehingga RM118 Pulangan Tunai dengan Apple Pay

1. Kempen Dapatkan Sehingga RM118 Pulangan Tunai dengan Apple Pay (“Kempen”) adalah anjuran bersama CIMB Bank Berhad [No Pendaftaran: 197201001799 (13491-P)] (“CIMB Bank”) dan CIMB Islamic Bank Berhad [No Pendaftaran: 200401032872 (671380-H)] (“CIMB Islamic Bank”). CIMB Bank dan/atau CIMB Islamic Bank hendaklah dirujuk secara kolektif sebagai “CIMB”.

Tempoh Kempen

2. Kempen akan berlangsung dari 21 Julai 2026 hingga 14 September 2026, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Kempen”) berdasarkan dua (2) kitaran Bulan Kempen.

Bulan Kempen	Tempoh Kempen
1	21 Julai 2026 – 17 Ogos 2026
2	18 Ogos 2026 – 14 September 2026

3. CIMB berhak, dengan memberikan notis tidak kurang daripada tujuh (7) hari kalendar, untuk meminda tempoh dan/atau tarikh mula dan/atau tarikh tamat Tempoh Kempen.

Kelayakan

4. Kempen ini terbuka kepada semua pemegang Kad Kredit CIMB Mastercard/-i dan Kad Kredit CIMB Visa/-i yang dikeluarkan oleh CIMB di Malaysia (“Peserta yang Layak”), kecuali Kad Kredit PETRONAS Visa Infinite-i, Kad Kredit PETRONAS Visa Platinum-i, Kad CIMB Platinum Business; Kad Rakan Kongsi CIMB dan Kad CIMB Fuel Tanker (“Kad Kredit yang Layak”), yang berjaya menambah Kad Kredit CIMB /-i ke Apple Pay buat kali pertama.
5. Adalah menjadi tanggungjawab sepenuhnya Peserta yang Layak untuk memastikan nombor telefon mudah alih mereka (“Maklumat Perhubungan”) yang diberikan kepada CIMB adalah terkini dan dikemas kini dengan CIMB sekiranya terdapat sebarang perubahan dibuat oleh mereka. CIMB berhak untuk melucutkan “Pulangan Tunai” sekiranya Maklumat Perhubungan Peserta yang Layak yang disimpan dalam rekod CIMB adalah tidak sah dan/atau tidak dikemas kini. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta yang Layak bagi sebarang kerugian (termasuk kehilangan peluang dan kerugian berbangkit yang timbul daripadanya) yang dialami atau ditanggung sekiranya Maklumat Perhubungan yang disimpan dalam rekod CIMB adalah tidak terkini atau tidak tepat.

Syarat-syarat dan Mekanik Kempen

6. Tertakluk kepada pemenuhan Klausula 4 dan Klausula 5 di atas, Peserta yang Layak berhak untuk menyertai Kempen ini apabila berjaya menambah Kad Kredit yang Layak ke Apple Pay buat kali pertama dan melakukan transaksi perbelanjaan menggunakan Apple Pay dalam Bulan Kempen yang sama serta dalam jenis kad yang sama (iaitu Mastercard dengan Mastercard, Visa dengan Visa). Transaksi merentasi skim kad yang berbeza tidak akan digabungkan bagi tujuan “Transaksi

Perbelanjaan yang Layak” (seperti yang ditakrifkan di bawah Klausa 8 hingga Klausa 11 di sini) dengan cara seperti yang diterangkan di bawah:

Bagi melayakkan diri menerima tawaran ini, Peserta yang Layak hendaklah memenuhi kriteria berikut dengan membuat Transaksi Perbelanjaan yang Layak seperti yang dinyatakan dalam Jadual A di bawah:

Jadual A

Syarat Perbelanjaan	Peserta yang Layak / Kad Kredit yang Layak	Had maksimum Pulangan Tunai bagi setiap Peserta yang Layak Sepanjang Kempen	Had maksimum Pulangan Tunai bagi setiap Bulan Kempen	Had maksimum Pulangan Tunai Sepanjang Kempen
Melakukan lima (5) Transaksi Perbelanjaan yang Layak melalui Apple Pay dengan perbelanjaan minimum sebanyak Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50) bagi setiap transaksi selepas berjaya menambah Kad Kredit yang Layak ke Apple Pay buat kali pertama.	Kad Kredit CIMB Mastercard/-i	Pulangan Tunai RM68 bagi setiap Kad Kredit yang Layak	RM163,200 berdasarkan prinsip siapa cepat dia dapat (2,400 unit)	RM326,400 berdasarkan prinsip siapa cepat dia dapat (4,800 unit)
Kesemua lima (5) transaksi tersebut mesti dilakukan dalam Bulan Kempen yang sama dan dalam jenis kad yang sama (Mastercard dengan Mastercard, Visa dengan Visa). Transaksi merentasi skim kad tidak akan digabungkan.	Kad Kredit CIMB Visa/-i	Pulangan Tunai RM50 bagi setiap Kad Kredit yang Layak	RM87,000 berdasarkan prinsip siapa cepat dia dapat (1,740 unit)	RM174,000 berdasarkan prinsip siapa cepat dia dapat (3,480 unit)

“Transaksi Perbelanjaan yang Layak” – sila rujuk Klausa 8 untuk butiran.

- Tertakluk kepada Klausa 9 terma dan syarat ini, untuk layak menerima Pulangan Tunai yang dinyatakan, Peserta yang Layak hendaklah memenuhi keperluan dengan membuat “Transaksi Perbelanjaan yang Layak” menggunakan Kad Kredit yang Layak mereka melalui Apple Pay. Peserta yang Layak yang mempunyai lebih daripada satu Kad Kredit yang Layak yang telah berjaya ditambah ke Apple Pay pada satu atau lebih peranti, kelayakan Pulangan Tunai maksimum bagi setiap Peserta yang Layak adalah dihadkan kepada Ringgit Malaysia Enam Puluh Lapan (RM68) bagi Kad Kredit CIMB Mastercard/-i dan Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50) bagi Kad Kredit CIMB Visa /-i sepanjang Tempoh Kempen seperti yang dinyatakan dalam Jadual A di atas.
- “Transaksi Perbelanjaan yang Layak”** bermaksud transaksi pembelian bagi barangan dan perkhidmatan yang merangkumi transaksi tempatan, luar negara dan dalam talian menggunakan Apple Pay yang diluluskan oleh CIMB dan dicaj kepada Kad Kredit yang Layak semasa Bulan Kempen.
- Bagi mengelakkan sebarang keraguan, transaksi-transaksi berikut adalah secara nyata dikecualikan dan tidak akan dianggap sebagai Transaksi Perbelanjaan yang Layak:

- (i) Transaksi kuasi tunai – (contoh: transaksi pertaruhan dan/atau perjudian);
- (ii) Ansuran bulanan di bawah sebarang kemudahan pembayaran ansuran yang disediakan oleh CIMB atau mana-mana institusi kewangan lain atau pindahan dana daripada Institusi Kewangan lain;
- (iii) Bayaran fi tahunan atau caj perkhidmatan, caj penghantaran, bayaran tunai, fi penggantian kad, caj pertikaian, caj penipuan atau sebarang fi, caj atau penalti sama ada yang dikenakan oleh CIMB atau sebaliknya;
- (iv) Transaksi Perbelanjaan yang Layak yang kemudiannya dibatalkan atau dikembalikan, atau sebarang transaksi lain yang dipertikaikan, tidak dibenarkan atau bersifat penipuan;
- (v) Sebarang transaksi yang dilakukan di negara yang merupakan anggota Komuniti Ekonomi Eropah (EEC) atau Kesatuan Eropah (EU)

Apa-apa penentuan oleh CIMB mengenai apa yang dianggap sebagai Transaksi Perbelanjaan yang Layak adalah muktamad dan konklusif serta tidak boleh dipertikaikan dalam apa jua cara sekalipun, melainkan jika penentuan tersebut adalah tidak adil atau tidak wajar.

Semua Transaksi Perbelanjaan yang Layak akan dijejaki secara automatik oleh CIMB bagi tujuan pemberian Pulangan Tunai. Penjejakan Transaksi Perbelanjaan yang Layak adalah berdasarkan tarikh dan/atau masa transaksi (Waktu Malaysia) seperti yang direkodkan dalam rekod transaksi CIMB sepanjang Tempoh Kempen. Sekiranya Pemegang Kad mempunyai lebih daripada satu Kad Kredit CIMB/-i termasuk kad tambahan yang telah ditambah ke Apple Pay (“Kad Kredit yang Layak”), Transaksi Perbelanjaan yang Layak melalui Apple Pay akan digabungkan untuk memenuhi Keperluan Perbelanjaan dalam skim kad yang sama (Mastercard / Visa) sahaja. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, hanya transaksi dalam jenis kad yang sama akan digabungkan (iaitu Mastercard dengan Mastercard, Visa dengan Visa). Transaksi merentasi skim kad yang berbeza tidak akan digabungkan.

10. Ilustrasi bagaimana Peserta yang Layak boleh memperoleh Pulangan Tunai semasa Bulan Kempen adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual Senario di bawah:

Jadual Senario

Peserta yang Layak	Kad Kredit yang Layak	Tarikh Penambahan Apple Pay	Tarikh Transaksi	Amaun Transaksi (RM) melalui Apple Pay	Memenuhi Syarat Perbelanjaan	Kelayakan untuk Pulangan Tunai*
A	Pemegang Kad Kredit CIMB Mastercard/-i	21-Jul-26	22-Jul-26	75	Ya	RM68 (Memenuhi Syarat Perbelanjaan dalam Bulan Kempen yang sama)
			23-Jul-26	55	Ya	
			1-Ogos-26	50	Ya	
			2-Ogos-26	62	Ya	
			3-Ogos-26	67	Ya	
B	Pemegang Kad Kredit CIMB Mastercard/-i	25-Jul-26	26-Jul-26	50	Ya	Tidak Layak (Tidak memenuhi semua Syarat Perbelanjaan dalam Bulan Kempen yang sama)
			28-Jul-26	42	Tidak (di bawah RM50)	
			30-Jul-26	50	Ya	
			2-Ogos-26	54	Ya	
			18-Ogos-26	50	Tidak (perbelanjaan tidak dalam Bulan Kempen yang sama)	

C	Pemegang Kad Kredit CIMB Visa/-i	19-Ogos-26	20-Ogos-26	50	Ya	RM50 (Memenuhi Syarat Perbelanjaan dalam Bulan Kempen yang sama)
			22-Ogos-26	88	Ya	
			27-Ogos-26	50	Ya	
			28-Ogos-26	54	Ya	
			30-Ogos-26	50	Ya	
D	Pemegang Kad Kredit CIMB Visa/-i	21-Ogos-26	28-Ogos-26	75	Ya	Tidak Layak (Tidak memenuhi semua Syarat Perbelanjaan dalam Bulan Kempen yang sama)
			1-Sept-26	55	Ya	
			2-Sept-26	50	Ya	
			-	-	Tidak - Tiada perbelanjaan	
			-	-	Tidak - Tiada perbelanjaan	
E	Pemegang Kad Kredit CIMB Mastercard/-i	1- Sept-26	2-Sept-26	51	Ya	RM68 (Memenuhi Syarat Perbelanjaan dalam Bulan Kempen yang sama)
			3-Sept-26	58	Ya	
			5-Sept-26	70	Ya	
			7-Sept-26	86	Ya	
			8-Sept-26	77	Ya	
	Pemegang Kad Kredit CIMB Visa /-i		3-Sept-26	50	Ya	Tidak Layak (Tidak memenuhi semua Syarat Perbelanjaan dalam Bulan Kempen yang sama)
			4-Sept-26	59	Ya	
			7-Sept-26	81	Ya	
			16-Sept-26	60	Tidak (perbelanjaan tidak dalam Bulan Kempen yang sama)	
			-	-	Tidak - Tiada perbelanjaan	

Nota:

* Pulangan Tunai adalah tertakluk kepada had maksimum Pulangan Tunai Kempen dan diberikan berdasarkan prinsip siapa cepat dia dapat.

- CIMB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan ke atas sebarang kelewatan dalam pengeposan Transaksi Perbelanjaan yang Layak ke Kad Kredit yang Layak milik Peserta yang Layak dan/atau kesilapan atau kecaciran dalam pengeposan yang sama disebabkan oleh apa-apa sebab termasuk tetapi tidak terhad kepada kelewatan di pihak peniaga, melainkan jika perkara tersebut berpunca daripada kecuai dan/atau keingkaran CIMB. CIMB juga tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kegagalan dan/atau kesilapan dan/atau kelewatan dalam penghantaran bukti Transaksi Perbelanjaan yang Layak dan/atau pengeposan Transaksi Perbelanjaan yang Layak ke Kad Kredit yang Layak milik Peserta yang Layak oleh Mastercard, Visa, pertubuhan peniaga atau mana-mana pihak lain, melainkan jika perkara tersebut berpunca daripada kecuai atau keingkaran CIMB.

Pulangan Tunai dan Proses Kriteria Pemenuhan

- Pulangan Tunai akan diberikan kepada Peserta yang Layak yang memenuhi keperluan Kempen sebagaimana yang dinyatakan dari Klaus 6 hingga Klaus 11.
- Sebarang penentuan oleh CIMB mengenai pengiraan dan jumlah Pulangan Tunai adalah muktamad dan tidak akan dicabar oleh Peserta yang Layak dengan apa jua cara, kecuali untuk kesilapan jelas.

Pulangan Tunai tidak boleh ditukar kepada hadiah lain atau hadiah dengan nilai yang sama atau sebarang alternatif lain dalam apa jua keadaan.

14. Tertakluk kepada Klausula 11 terma dan syarat di sini, jumlah Pulangan Tunai yang diperolehi oleh setiap Peserta yang Layak akan dikreditkan ke dalam akaun utama Kad Kredit yang Layak milik Peserta yang Layak dalam tempoh enam belas (16) minggu dari tarikh tamat Tempoh Kempen ("Tempoh Pemenuhan"). Peserta yang Layak hendaklah memberitahu CIMB dalam tempoh lapan (8) minggu dari Tempoh Pemenuhan ("Tempoh Tertentu") sekiranya Pulangan Tunai tidak dikreditkan. Sekiranya Peserta yang Layak tidak memaklumkan CIMB dalam Tempoh Tertentu, Pulangan Tunai akan dianggap telah berjaya dikreditkan.
15. Pada masa penerimaan Pulangan Tunai oleh Peserta yang Layak, akaun Kad Kredit Yang Layak milik Peserta yang Layak TIDAK BOLEH tertunggak, dan/atau tidak sah atau dibatalkan dalam definisi CIMB. Selain itu, Kad Kredit yang Layak yang telah diperuntukkan ke dalam Apple Wallet MESTI kekal aktif dalam dompet masing-masing dan TIDAK BOLEH dikeluarkan pada bila-bila masa sehingga tamat Tempoh Pemenuhan. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat yang dinyatakan di atas akan mengakibatkan Peserta yang Layak dilucutkan kelayakan daripada menyertai Kempen dan/atau daripada menerima Pulangan Tunai.
16. Peserta yang Layak yang berhak menerima Pulangan Tunai akan menerima satu pemberitahuan melalui SMS bahawa mereka layak menerima Pulangan Tunai. Jumlah Pulangan Tunai juga akan dinyatakan dalam penyata bulanan kad kredit Peserta yang Layak yang seterusnya iaitu selepas pengkreditan Pulangan Tunai jika mereka berhak menerima Pulangan Tunai.
17. Pemberitahuan oleh CIMB akan berdasarkan nombor mudah alih Peserta yang Layak di Malaysia yang dikekalkan dalam rekod CIMB.
18. CIMB tidak akan melayan apa-apa jua aduan berkenaan dengan Pulangan Tunai dan tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan dalam apa cara sekalipun berkenaan dengan kegagalan teknikal atau apa jua bentuk, apa-apa campur tangan, gangguan dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui Kad Kredit CIMB melainkan ia adalah disebabkan oleh kecuai atau keingkaran sengaja oleh CIMB.
19. CIMB tidak menerima apa-apa tanggungjawab bagi apa-apa implikasi percukaian yang boleh timbul daripada Pulangan Tunai atau penggunaannya. Apa-apa kewajipan pemfailan cukai atau apa-apa pembayaran cukai tertunggak kepada mana-mana pihak berkuasa akibat daripada penerimaan Pulangan Tunai akan kekal menjadi tanggungjawab tunggal Peserta yang Layak. Ia adalah tanggungjawab setiap Peserta yang Layak untuk mendapatkan nasihat bebas berkenaan dengan implikasi berpotensi yang mungkin wujud ke atas keadaan kewangan beliau.

Terma-terma dan Syarat-syarat Umum

20. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta yang Layak bersetuju bahawa mereka:
 - a) dikehendaki membaca dan memahami Terma dan Syarat ini

- b) mempunyai akses, membaca dan mengesahkan persetujuan mereka kepada Terma-Terma & Syarat-Syarat ini;
 - c) mengesahkan bahawa terma kontrak utama yang mempengaruhi kewajipan mereka telah dijelaskan dengan secukupnya kepada mereka;
 - d) memberi persetujuan kepada CIMB untuk memproses dan mendedahkan data peribadi mereka serta apa-apa data peribadi mana-mana individu yang Peserta yang Layak boleh berkongsi dengan CIMB mengikut Notis Privasi Kumpulan CIMB yang terdapat di www.cimb.com.my;
 - e) bersetuju bahawa semua keputusan yang dilakukan adalah munasabah oleh CIMB berkenaan dengan setiap aspek Kempen ini adalah muktamad, terikat dan konklusif; dan
 - f) bersetuju bahawa CIMB tidak akan dalam apa cara sekalipun dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab kepada Peserta yang Layak sekiranya CIMB tidak dapat melaksanakan keseluruhan atau sebahagian kewajibannya kepada Terma-Terma & Syarat-Syarat disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:
 - (i) kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemrosesan data, talian penghantaran;
 - (ii) kegagalan elektrik;
 - (iii) pertikaian industri, perang, mogok atau rusuhan;
 - (iv) apa-apa bencana alam ("*act of God*") di luar kawalan CIMB; atau
 - (v) apa-apa faktor dalam keadaan di luar jangkaan munasabah CIMB.
21. Peserta yang Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai atau menerima Pulangan Tunai jika semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum Pulangan Tunai dikreditkan:
- a) Peserta yang Layak memungkirinya terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal Kad Kredit Yang Layak;
 - b) Kad Kredit yang Layak ditamatkan atau ditutup atau tertakluk kepada apa-apa ikatan, perintah bertentangan yang dikenakan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang diiktirafkan oleh undang-undang,
 - c) Kad Kredit yang Layak telah delinkuen, tidak sah atau dibatalkan oleh Peserta yang Layak atau CIMB.
22. CIMB menyimpan hak atas budi bicara tunggalnya untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta yang Layak yang ia ditentukan:
- a) mengganggu proses penyertaan; dan/ atau
 - b) bertindak memungkirinya Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
23. CIMB berhak untuk melanjutkan, memendekkan, menghentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen dengan memberikan notis terlebih dahulu selama tujuh (7) hari kalendar kepada Peserta yang Layak melalui:
- (i) pengumuman di laman sesawang CIMB; dan/atau
 - (ii) notis di cawangan-cawangan CIMB; dan/atau
 - (iv) apa-apa kaedah pemberitahuan lain yang dipilih oleh CIMB.

Bagi mengelakkan was-was, CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta yang Layak atas apa-apa kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan yang mungkin ditanggung oleh Peserta yang

Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada sebarang pembatalan, penggantungan, pemendekan atau pelanjutan Kempen.

24. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta yang Layak atau mana-mana pihak atas apa-apa kerugian atau kerosakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, kerugian atau kerosakan secara langsung atau tidak langsung, sampingan, turutan, teladan, punitif atau khas) yang berpunca daripada:
- a) Penyertaan atau ketidaksertaan Peserta yang Layak dalam Kempen; dan/atau
 - b) Kegagalan Peserta yang Layak menerima atau kelewatan penerimaan SMS dan/atau eDM

kecuali setakat kerugian atau kerosakan tersebut timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuai atau keingkaran sengaja CIMB.

25. a) CIMB berhak untuk mengubah, menambah, memadam atau meminda mana-mana Terma dan Syarat ini ("Pindaan") dengan memberikan notis terlebih dahulu selama dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Peserta yang Layak melalui:
- (i) pengumuman di laman web CIMB; dan/atau
 - (ii) notis di cawangan-cawangan CIMB; dan/atau
 - (iii) iklan dalam satu akhbar pilihan CIMB; dan/atau
 - (iv) melalui apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.
- b) Pindaan tersebut hendaklah dianggap mengikat Peserta yang Layak mulai tarikh yang dinyatakan oleh CIMB dalam pemberitahuan tersebut.
- c) Sekiranya perubahan tersebut dikehendaki oleh undang-undang atau mana-mana kaedah, peraturan, arahan, notis dan garis panduan ("Peraturan"), perubahan tersebut akan berkuat kuasa selaras dengan undang-undang atau Peraturan berkenaan dan CIMB akan memaklumkan/memberikan notis kepada Peserta yang Layak mengenai perubahan tersebut secepat mungkin.
- d) Peserta yang Layak bersetuju untuk mengakses laman web CIMB secara berkala bagi melihat terma dan syarat Kempen serta memastikan bahawa mereka sentiasa mendapat maklumat terkini mengenai sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat ini.
26. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta yang Layak atas apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta yang Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada Pindaan tersebut.

27. Peserta yang Layak hendaklah menanggung rugi sepenuhnya dan terus menanggung rugi CIMB terhadap sebarang fi, kos, caj, perbelanjaan, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang mungkin ditanggung oleh CIMB akibat daripada:
- a) penyertaan Peserta yang Layak dalam Kempen; dan/atau
 - b) penerimaan, penebusan atau penggunaan Pulangan Tunai; dan/atau
 - c) pelanggaran atau kegagalan untuk mematuhi Terma dan Syarat ini,

28. Terma dan Syarat ini:
- a) hendaklah mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terkandung dalam apa-apa bahan lain yang mengiklankan Kempen; dan

- b) hendaklah dibaca bersama dengan terma dan syarat semasa bagi Kad Kredit yang Layak, termasuk Perjanjian Dompert Digital Pihak Ketiga CIMB, yang hendaklah terpakai sebagai tambahan kepada Terma dan Syarat ini.
29. Terma dan Syarat ini adalah tertakluk kepada dan hendaklah ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia serta kaedah, peraturan dan garis panduan Bank Negara Malaysia dan badan-badan kawal selia lain yang berkaitan yang tertakluk kepada CIMB.
30. Sekiranya CIMB tidak melaksanakan mana-mana hak yang dimilikinya di bawah Terma dan Syarat ini, perkara tersebut tidak akan menghalang CIMB daripada melaksanakan hak tersebut atau apa-apa hak lain yang dimiliki oleh CIMB pada masa hadapan.
31. Peserta yang Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB, *Customer Resolution Unit* ("CRU") bagi sebarang maklum balas dan/atau aduan berkaitan dengan Kempen ini melalui surat, panggilan telefon, faks dan e-mel:

Alamat: CIMB Bank Berhad / CIMB Islamic Bank Berhad, Customer Resolution Unit (CRU), P.O. Box 10338, GPO Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan
No. Telefon: 603 6204 7788
E-mel: contactus@cimb.com

CIMB boleh mengubah butiran perhubungan di atas dengan memaklumkan kepada Peserta yang Layak melalui pengumuman di laman web CIMB atau melalui apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.